
Dokumen Panduan Pendekatan Nilai
Pemuliharaan Tinggi (HCV) yang
Dipermudahkan untuk Pekebun Kecil
di RSPO

Dokumen Pengenalan
(Fasa 1 dan 2)

Tajuk Dokumen : Dokumen Panduan Pendekatan Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV) yang Dipermudahkan untuk Pekebun Kecil di RSPO – Dokumen Pengenalan (Fasa 1 dan 2)

Kod Dokumen : RSPO-GUI-T06-021 V2 MAY

Kelulusan : RSPO Standards Standing Committee (SSC) (28 April 2022)

E-mel : smallholder@rspo.org



Isi Kandungan

MUKADIMAH	1
GLOSARI	1
BAHAGIAN 1: PENGENALAN	2
BAHAGIAN 2: GAMBARAN KESELURUHAN	3
BAHAGIAN 3: DI MANA SAYA BERMULA?	4
BAHAGIAN 4: FASA 1 – KOMUNIKASI AWAL MENGENAI HCV	6
BAHAGIAN 5: FASA 2 – LAWATAN LAPANGAN UNTUK MENGUMPUL MAKLUMAT ASAS	7
LAMPIRAN 1 – GLOSARI SEMUA DOKUMEN DAN PROSEDUR DI BAWAH PENDEKATAN HCV YANG DIPERMUDAHKAN	10
LAMPIRAN 2 – TEMPLAT LUAR TALIAN/KERTAS UNTUK PENDAFTARAN PETANI	11
LAMPIRAN 3 – PENGENALAN KEPADA HCV (BANTUAN VISUAL)	12

Mukadimah

Dokumen ini adalah terpakai untuk:

- Pekebun kecil bebas (ISH) yang ingin diperakui melalui standard Pekebun Kecil Bebas RSPO 2019¹
- Kumpulan pekebun kecil yang mengaplikasikan keperluan Prosedur Penanaman Baharu (NPP) RSPO 2021

Pendekatan Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV) yang dipermudahkan ini akan dilaksanakan oleh pengurus kumpulan, dengan perlindungan untuk pemeriksaan tambahan oleh pihak bebas dalam situasi tertentu.

Pekebun kecil dalam konteks dokumen ini merujuk kepada petani yang menanam kelapa sawit, kadangkala bersama-sama dengan pengeluaran sara diri tanaman lain, di mana ahli keluarga merupakan sebahagian besar buruh dan ladang tersebut merupakan sumber pendapatan utama, dan di mana saiz kawasan penanaman kelapa sawit biasanya di bawah 50 hektar.

Glosari

Pekebun Kecil Skim	Petani, pemilik tanah atau wakil mereka yang tidak mempunyai: <ul style="list-style-type: none">• Kuasa membuat keputusan yang boleh dikuatkuasakan ke atas pengendalian tanah dan amalan pengeluaran; dan/atau• Kebebasan untuk memilih cara mereka menggunakan tanah mereka, jenis tanaman untuk ditanam, dan cara mereka mengurusnya (sama ada dan cara mereka mengatur, mengurus dan membiayai tanah tersebut).
Pekebun Kecil Bebas	Semua pekebun kecil yang tidak dianggap sebagai pekebun kecil skim [lihat definisi Pekebun Kecil Skim] dianggap sebagai pekebun kecil bebas.

¹ Aplikasi HCV sebelum ini dibangunkan untuk membantu kumpulan ISH dalam melaksanakan penilaian HCV untuk pematuhan terhadap keperluan HCV Prinsip & Kriteria (P&C) 2013. Dengan penggunaan Piawaian Pekebun Kecil Bebas (RISS) RSPO 2019, aplikasi HCV kini digunakan sebagai sebahagian daripada langkah sementara manakala pendekatan gabungan HCV-HCS yang dipermudahkan sedang dibangunkan mengikut keperluan dalam RISS 2019.

Bahagian 1: Pengenalan

RSPO mengakui bahawa pekebun kecil menghadapi cabaran dalam mematuhi Prinsip dan Kriteria (P&C) standard RSPO, termasuk keperluan RSPO untuk mengekalkan Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCVs).

Kotak 1: Apakah itu HCV?

RSPO memerlukan penanam untuk mengenal pasti, mengekalkan dan meningkatkan HCV dalam operasi mereka. HCV ialah nilai biologi, ekologi, sosial atau budaya yang mempunyai kepentingan yang luar biasa atau kritikal.

Terdapat enam (6) kategori HCV: HCV 1-3 ialah HCV biologi yang tertumpu pada biodiversiti, spesies, ekosistem dan landskap (seringkali pada spesies dan tapak yang penting di peringkat global). HCV 4-6 ialah HCV sosial yang tertumpu pada perkhidmatan alam sekitar, sumber asli yang digunakan oleh masyarakat serta nilai budaya. Nilai budaya adalah paling kerap penting di peringkat tempatan (iaitu kritikal untuk mata pencarian).

Kehadiran HCV 1-3 boleh disimpulkan melalui kehadiran kawasan habitat semula jadi yang berkualiti baik dan agak luas, manakala HCV 4-6 dikenal pasti melalui kaedah penyertaan dengan masyarakat tempatan. Untuk maklumat lanjut tentang HCV, lihat Lampiran 3 untuk panduan visual 'Pengenalan kepada HCV'.

Oleh itu, **pendekatan HCV yang dipermudahkan** telah dibangunkan untuk membantu petani melaksanakan keperluan ini. Pendekatan ini juga terpakai kepada kumpulan pekebun kecil yang mengaplikasikan keperluan Prosedur Penanaman Baharu (NPP) RSPO 2021.

Pendekatan ini mengesahkan kebarangkalian kehadiran HCV dan kesannya adalah berbeza antara penanaman sedia ada dan penanaman baharu.

Di ladang sedia ada, tumbuh-tumbuhan semula jadi telah pun dibersihkan untuk kelapa sawit. Penggunaan hutan tradisional telah dihentikan dan kebanyakan tumbuhan dan haiwan yang wujud pada asalnya sudah tidak ada lagi. Oleh itu, risiko merosakkan HCV dalam penanaman yang sedia ada dianggap rendah.

HCV lebih berkemungkinan berlaku di habitat semula jadi. Oleh itu, apabila kawasan seperti itu dibersihkan untuk penanaman baharu kelapa sawit, risiko kerosakan kepada HCV adalah lebih tinggi. Untuk penanaman baharu, risiko merosakkan HCV bergantung kepada:

- **Kebarangkalian kehadiran HCV:** Semakin besar kemungkinan kehadiran HCV, semakin tinggi risiko kesan negatif daripada penanaman kelapa sawit di tapak tersebut. HCV biologi (1-3) bergantung pada jenis, saiz dan kualiti habitat semula jadi (contoh hutan) dan pada spesies yang terdapat di tapak, manakala HCV 4-6 pula berkaitan dengan pergantungan masyarakat tempatan pada tapak tersebut untuk sara hidup atau identiti budaya.
- **Saiz/skala pengembangan:** Pembangunan kelapa sawit berskala besar berkemungkinan memberi lebih banyak impak kepada HCV daripada pengembangan berskala kecil – pengurangan lebih besar habitat/ekosistem semula jadi meningkatkan risiko kemusnahan dan pemecahan habitat. Kehilangan pesat kawasan semula jadi memberi kesan negatif kepada HCV yang ada².

Faktor-faktor ini menentukan prosedur HCV yang diperlukan untuk penanaman baharu (diterangkan dengan lebih terperinci dalam dokumen prosedur Fasa 3).

² Intensiti juga lazimnya dipertimbangkan dalam penilaian risiko tetapi disertakan secara eksplisit di sini kerana diandaikan bahawa sebahagian besar ladang kelapa sawit adalah ladang monokultur yang seragam dan 'berintensiti' tinggi.


Bahagian 2: Gambaran Keseluruhan

Dokuman ini memperkenalkan pendekatan HCV yang dipermudahkan dan menerangkan prosedur untuk penanaman baharu dan sedia ada. Pendekatannya:

- Menggunakan aplikasi telefon pintar HCV yang khusus untuk pekebun kecil, dengan papan pemuka web, untuk mengumpul dan mengagregat data ahli kumpulan petani dan plot mereka, untuk ladang sedia ada dan rancangan penanaman baharu.
- Direka bentuk untuk dilaksanakan oleh pengurus kumpulan sejauh mungkin, tetapi dengan keperluan mandatori semakan bebas dalam situasi berisiko sederhana, dan penilaian oleh penilai berlesen Skim Pelesenan Penilai (ALS) dalam situasi berisiko tinggi.
- Memberi panduan tentang cara mengurus dan menyelenggara HCV, dan dalam situasi berisiko sederhana, mengenal pasti kawasan larangan berjaga-jaga yang tidak boleh dibangunkan.
- Berfungsi sebagai pusat panduan sehenti untuk pengurus kumpulan tentang cara menangani keperluan RSPO untuk HCV ahli kumpulan mereka.

Pengurus kumpulan boleh mendelegasikan tugas dan tanggungjawab tertentu kepada petani-petani utama atau wakil-wakil lain yang dilantik, namun pengurus kumpulan (dirujuk sebagai 'anda' dalam dokumen ini) sentiasa mempunyai tanggungjawab keseluruhan. Sila ambil perhatian bahawa pengumpulan data semasa Fasa 2 dan 3 mesti dilakukan oleh seseorang selain daripada petani yang tanahnya sedang dinilai.

Proses keseluruhan untuk pekebun kecil yang layak menggunakan pendekatan HCV yang dipermudahkan terdiri daripada empat (4) fasa:




Bahagian 3: Di mana saya bermula?

Terdapat empat (4) senario untuk memulakan proses:

1. Anda memulakan proses pensijilan sebagai kumpulan pekebun kecil bebas baharu dan pendekatan HCV yang dipermudahkan ini adalah baharu untuk semua ahli. Oleh itu, anda bermula dengan Fasa 1.
2. Anda mempunyai ahli-ahli baharu dalam kumpulan pekebun kecil bebas. Anda perlu bermula pada Fasa 1 untuk ahli-ahli baharu tersebut. Fasa 1 tidak perlu diulangi untuk ahli-ahli sedia ada yang telah selesai fasa tersebut.
3. Anda telah melengkapkan pendekatan HCV untuk semua ahli pekebun kecil bebas yang mempunyai ladang sedia ada dan mereka sedang dalam proses untuk mendapatkan pensijilan atau telah pun diperakui. Anda menjalankan pendekatan HCV hanya untuk petani dalam kumpulan itu yang telah menyatakan bahawa mereka kini mahu berkembang dengan ladang baharu → mulakan proses pada Fasa 3, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.
4. Kumpulan pekebun kecil yang mengaplikasikan keperluan Prosedur Penanaman Baharu (NPP) RSPO 2021. Anda perlu bermula dengan Fasa 1 untuk ahli pekebun kecil skim baharu.

Rajah 1 menunjukkan gambaran keseluruhan skema bagi empat (4) fasa dan pelbagai langkah yang membentuk sebahagian daripada pendekatan HCV yang dipermudahkan [lihat halaman sebelah].



Rajah 1 Gambaran keseluruhan struktur pendekatan HCV yang dipermudahkan dan fasa serta langkah yang terlibat

Bahagian 4 dan 5 di bawah menyediakan panduan lanjut mengenai Fasa 1 dan 2. Anda boleh mendapatkan panduan lanjut mengenai prosedur untuk Fasa 3 dalam dokumen prosedur untuk petani dengan ladang sedia ada atau untuk petani yang sedang berkembang dengan penanaman baharu. Gambaran keseluruhan dokumen panduan yang berbeza terdapat dalam Lampiran 1.

Bahagian 4: Fasa 1 – Komunikasi awal mengenai HCV

Semua ahli kumpulan perlu mempunyai pemahaman asas tentang HCV. Pengurus kumpulan bertanggungjawab untuk memaklumkan ahli tentang kewajipan mereka dan perkara yang mereka perlu lakukan untuk memenuhi keperluan RSPO mengenai HCV.

Langkah pertama adalah menjadualkan dan menjemput ahli-ahli ke mesyuarat. Ini bertujuan agar, selepas mesyuarat tersebut, ahli kumpulan seharusnya:

- menyedari apa itu HCV, mengapa HCV penting dan bagaimana HCV dikaitkan dengan perkhidmatan ekosistem seperti pendebungaan, air bersih dan pencegahan hakisan dan tanah runtuh. Gunakan bahan visual jika tersedia (lihat Lampiran 3).
- bersedia untuk bekerjasama dan memberikan maklumat yang berkaitan tentang ladang dan plot mereka kepada pengurus kumpulan dan juruaudit. Secara khususnya, ahli mesti maklum bahawa:
 - Gambar plot mungkin perlu diambil.
 - Sebarang perluasan tanah mereka atau pemerolehan plot baharu mesti dimaklumkan kepada anda sebagai pengurus kumpulan.
 - Ahli mesti berunding dengan anda dan mendapatkan kelulusan anda sebelum sebarang pembukaan tanah untuk penanaman/pengembangan kelapa sawit baharu. Ini termasuk penanaman di bekas tanah pertanian (tetapi bukan pembaharuan kelapa sawit lama).
 - Ahli kumpulan yang gagal mematuhi mana-mana kewajipan di atas berisiko disingkirkan daripada kumpulan.
- terlibat dan komited untuk bekerjasama dalam pengenaltastian dan pengurusan jangka panjang HCV.
- cukup bermaklumat untuk menjelaskan kepentingan HCV kepada pihak berkepentingan lain yang berkaitan, seperti ahli komuniti bukan petani yang boleh membantu mengurus dan melaksanakan amalan berjaga-jaga.

Mesyuarat harus dihadkan kepada 20-30 orang untuk menggalakkan penyertaan aktif dan interaktif, jadi anda mungkin perlu mengadakan beberapa siri mesyuarat atau bengkel untuk meliputi semua ahli. Jika terdapat terlalu ramai ahli untuk anda temui secara peribadi, anda boleh melatih subset petani utama (contohnya seorang atau dua dari setiap kampung) untuk mengadakan mesyuarat dengan subkumpulan yang berbeza. Berikan masa untuk soalan dan perbincangan, dan cuba menangani sebarang kebimbangan daripada ahli mengenai penilaian dan pengurusan HCV. Simpan rekod semua mesyuarat yang dijalankan atau perbualan satu lawan satu, dan nama-nama peserta. Jelaskan bahawa akan ada mesyuarat lain mengenai pengurusan HCV dan tentang perkara yang perlu dilakukan jika petani ingin membuka tanah untuk penanaman baharu kelapa sawit.

Petua – Orang yang sama untuk mengetahui komunikasi dan pengumpulan data

Jika anda menghubungi ahli-ahli kumpulan anda untuk menerangkan dan berkomunikasi tentang HCV, adalah disyorkan bahawa orang yang mengetahui komunikasi ini juga adalah orang yang bertanggungjawab mengumpul data lapangan daripada petani-petani yang sama. Ini adalah untuk memastikan kesinambungan.

Sebagai pengurus kumpulan, anda boleh mempertimbangkan untuk melatih sekumpulan 'petani utama'/pengumpul data.

Bahagian 5: Fasa 2 – Lawatan lapangan untuk mengumpul maklumat asas

Selepas anda menyampaikan kepentingan HCV kepada ahli kumpulan anda, anda mesti melawat setiap ahli dan mengumpul maklumat yang diperlukan untuk memilih prosedur HCV yang betul. Anda boleh menggunakan aplikasi telefon pintar untuk mengatur dan menyimpan maklumat ini, serta mengumpul data plot individu (Fasa 3) yang selanjutnya. Jika anda tidak mempunyai akses kepada telefon pintar atau tablet, lihat Kotak 2 tentang cara mengumpul maklumat menggunakan kaedah manual.

Kotak 2: Bagaimana jika anda tidak mempunyai akses kepada telefon pintar atau tablet?

Pendekatan HCV yang dipermudahkan adalah lebih mudah untuk diikuti jika anda mempunyai akses kepada telefon pintar atau tablet. Namun, jika tiada, anda boleh menggunakan templat kertas 'luar talian', seperti berikut:

- Untuk lawatan lapangan Fasa 2 dan pendaftaran petani, gunakan jadual yang disediakan di Lampiran 2 dokumen ini.
- Untuk Fasa 3 dan 4 untuk penanaman baharu, gunakan jadual yang disediakan di Lampiran 2 manual Fasa 3-4.

Persediaan untuk lawatan tapak – muat turun aplikasi

Untuk menyediakan aplikasi:


1. Minta nama pengguna dan kata laluan daripada RSPO melalui e-mel ke smallholder@rspo.org.
2. Gunakannya untuk log masuk ke papan pemuka di <https://hcv-sh-apps.rspo.org/dashboard/login>.
3. Jana kod kumpulan dengan mengklik pada tab 'Manage Data Collector', diikuti dengan 'Generate Group Code'.
4. Masukkan semua pengumpul data (Data Collector) yang diperlukan (anda dan mana-mana wakil lain yang dilantik) dengan sama ada menaip alamat e-mel anda dan mereka ke dalam bahagian 'Insert Email', atau dengan memuat naik senarai alamat e-mel dalam fail Excel menggunakan 'Templat' yang tersedia untuk dimuat turun di halaman tersebut.
5. Maklumkan pengumpul data bahawa mereka telah didaftarkan dan hantar kepada mereka 'Kod Kumpulan' yang mereka perlukan untuk log masuk ke aplikasi.

Kemudian muat turun aplikasi:

1. Pastikan telefon/tablet disambungkan ke internet, atau dengan akses data mudah alih.
2. Gunakan peranti tersebut untuk pergi ke Google Play Store, cari 'RSPO HCV', dan muat turun aplikasi tersebut.



Awat: Memuat turun dan menggunakan aplikasi tersebut melalui data mudah alih mungkin dikenakan bayaran atau menghabiskan elauan data anda.



Semua pengumpul data juga perlu memuat turun peta kebarangkalian HCV 1-3 untuk lokasi ahli-ahli mereka dengan mengikut langkah-langkah berikut:

1. Buka aplikasi tersebut dan log masuk menggunakan alamat e-mel anda dan kod kumpulan, kemudian klik pada 'Manage Map'.

2. Alihkan peta ke kawasan di mana ahli anda berada. Pastikan kawasan yang ditunjukkan pada telefon/tablet anda merangkumi semua ahli kumpulan pekebun kecil – zum masuk atau keluar mengikut keperluan.
3. Sebaik sahaja anda telah menangkap kawasan yang betul pada skrin anda, klik ‘Download Area’ dan namakan peta itu untuk membolehkan anda mengenal pastinya. Anda akan melihat notifikasi yang menunjukkan saiz muat turun – jika anda tidak mempunyai ruang yang mencukupi, anda boleh mengezum masuk ke kawasan yang lebih kecil atau memadam fail daripada peranti anda. Ia mungkin mengambil masa sehingga 30 minit untuk memuat turun peta, bergantung pada kelancaran sambungan. Peta dimuat turun sepenuhnya apabila bar oren telah lengkap.
4. Sahkan bahawa peta telah dimuat turun dengan mengklik pada ‘Downloaded Area’, dan semak bahawa peta ada disenaraikan di situ. Jika tidak, cuba muat turun peta sekali lagi.
5. Anda kini bersedia untuk meneruskan lawatan tapak.

Menjalankan lawatan tapak

Tujuan utama adalah untuk mengumpul maklumat asas dan menentukan prosedur yang manakah terpakai untuk plot petani. Langkah-langkah tersebut boleh dilengkapi menggunakan aplikasi, seperti berikut:

1. **Daftar petani dan kumpulkan maklumat asas:** Buka aplikasi dan pilih ‘Start Survey’, kemudian ‘Create Farmer Profile’. Ini membawa kepada survei ringkas di mana anda boleh memasukkan nama ahli, ID petani dan alamat. Lengkapkan survei untuk setiap petani yang anda lawati.
2. **Tentukan prosedur mana yang terpakai:**
 - Tunjukkan kepada ahli kumpulan empat (4) kemungkinan senario yang ditunjukkan dalam Rajah 2 (atau gunakan rajah dalam aplikasi di bawah ‘Need help to know which survey to fill up?’). Ketahui senario mana yang paling relevan dengan situasi setiap ahli. Prosedur yang berbeza digunakan bergantung kepada sama ada kawasan/plot tersebut terdiri daripada ladang kelapa sawit sedia ada, atau sama ada ia dirancang atau dicadangkan untuk pengembangan kelapa sawit baharu.
 - Ingatkan ahli kumpulan yang kini memenuhi Senario 4 (rujuk Rajah 2) bahawa sesiapa yang ingin membuka kawasan baharu untuk penanaman kelapa sawit mesti melaporkan kepada anda, mendapatkan kebenaran anda dan melengkapkan survei penanaman baharu sebelum berbuat demikian. Sila ambil perhatian bahawa walaupun setiap ahli bertanggungjawab untuk memaklumkan anda jika mereka ingin membuat pengembangan kawasan baharu, anda juga harus menyemak dengan ahli kumpulan secara kerap dan proaktif untuk mengetahui sama ada rancangan mereka telah berubah.


Anda kini harus memahami situasi setiap ahli dan boleh meneruskan ke Fasa 3, dengan mengaplikasikan prosedur berbeza yang relevan dengan setiap ahli dan plot. Anda boleh melakukan ini sama ada sebagai sebahagian daripada lawatan lapangan pertama ini, atau kembali berbuat demikian di kemudian hari – tetapi ingat bahawa survei penanaman baharu mesti dilengkapi.



- Untuk panduan mengenai Fasa 3 dan 4 untuk penanaman sedia ada, sila teruskan ke Dokumen Panduan Pengurusan HCV di Ladang Kelapa Sawit Mapan untuk Pekebun Kecil (Fasa 3 dan 4)
- Untuk panduan mengenai Fasa 3 dan 4 untuk penanaman baharu, sila teruskan ke prosedur HCV untuk ladang baharu (rujuk Dokumen Panduan Pendekatan yang Dipermudahkan untuk Pekebun Kecil di RSPO (Fasa 3 dan 4)

Senario 1

Kesemua tanah ahli kumpulan itu dilitupi dengan kelapa sawit sedia ada.



Prosedur penanaman sedia ada terpakai.
Teruskan ke survei penanaman sedia ada dan amalan berjaga-jaga.

Senario 2


Tidak ada tanah ahli kumpulan yang dilitupi dengan kelapa sawit, tetapi ahli merancang untuk mengembangkan penanaman baharu.



Prosedur penanaman baharu terpakai.
Teruskan ke survei penanaman baharu.

Senario 3

Tanah ahli kumpulan termasuk beberapa kelapa sawit sedia ada dan tanah lain yang mereka ingin kembangkan penanaman baharu.




Prosedur penanaman sedia ada terpakai.
Teruskan ke survei penanaman sedia ada dan amalan berjaga-jaga.



Prosedur penanaman baharu terpakai.
Teruskan ke survei penanaman baharu.

Senario 4

Tanah ahli kumpulan termasuk beberapa kelapa sawit sedia ada dan tanah lain, tetapi **tidak** ada rancangan semasa untuk mengembangkan penanaman baharu.



Prosedur penanaman sedia ada terpakai.
Teruskan ke survei penanaman sedia ada dan amalan berjaga-jaga.



Ingat untuk memberitahu ahli bahawa jika pada bila-bila masa, mereka membuat keputusan, untuk **mengembangkan penanaman baharu**, mereka mesti **memberitahu pengurus kumpulan** terlebih dahulu kerana mereka perlu **mengikut proses penanaman baharu dan survei**.

Nota: Untuk penanaman semula pokok sawit sedia ada, survei penanaman sedia ada dan pendekatan amalan berjaga-jaga terpakai.

Rajah 2 Senario yang mungkin untuk ahli kumpulan

Lampiran 1 – Glosari semua dokumen dan prosedur di bawah pendekatan HCV yang dipermudahkan

Glosari semua dokumen dan prosedur di bawah pendekatan HCV yang dipermudahkan.

Nama	Kandungan	Pautan Web
Dokumen Panduan Pendekatan Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV) yang Dipermudahkan untuk Pekebun Kecil di RSPO – Dokumen Pengenalan (Fasa 1 dan 2) [dokumen ini]	Komunikasi tentang HCV dengan ahli kumpulan (Fasa 1 Langkah 1). Lawatan tapak dan menentukan sama ada prosedur penanaman sedia ada atau baharu terpakai.	Dokumen: https://rspo.org/resources/?category=simplified-hcv-approach-for-smallholder Papan pemuka web: https://hcv-sh-apps.rspo.org/dashboard/login Aplikasi mudah alih: Gedung Google Play Store - 'RSPO HCV'
Dokumen Panduan Pengurusan Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV) di Ladang Kelapa Sawit Mapan untuk Pekebun Kecil – Penanaman Sedia Ada (Fasa 3 dan 4)	Fasa 3 dan 4 – HCV untuk panduan perladangan sedia ada.	https://rspo.org/resources/?category=simplified-hcv-approach-for-smallholder
Dokumen Panduan Pendekatan Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV) yang Dipermudahkan untuk Pekebun Kecil di RSPO – Prosedur HCV untuk Penanaman Baharu (Fasa 3 dan 4)	Fasa 3 dan 4 untuk penanaman baharu: Prosedur penanaman baharu.	https://rspo.org/resources/?category=simplified-hcv-approach-for-smallholder
Templat analisis dan pelaporan luar talian HCV – versi luar talian/kertas	Fasa 3 dan 4 untuk penanaman baharu: Templat analisis dan pelaporan luar talian untuk penanaman baharu. Versi untuk pengurus kumpulan tanpa akses kepada telefon pintar atau tablet.	E-mel templat luar talian yang lengkap ke: smallholder@rspo.org
Dokumen Panduan Pengurusan HCV di Ladang Kelapa Sawit Mapan untuk Pekebun Kecil (Fasa 3 dan 4 – aplikasi HCV)	Pengurusan and pemantauan SELEPAS pengembangan/penubuhan ladang: Pendekatan amalan berjaga-jaga Fasa 4 – HCV sedia ada untuk panduan perladangan sedia ada.	Lihat panduan ringkas dalam prosedur penanaman baharu Fasa 3 dan rujuk dokumen amalan berjaga-jaga penanaman sedia ada: https://rspo.org/resources/?category=smallholders-key-documents

**Peta Kebarangkalian HCV 1-3:
Metodologi dan Perundingan**

Pengurus kumpulan tidak perlu merujuk kepada dokumen ini. Butiran teknikal tentang kaedah yang diikuti untuk membangunkan peta kebarangkalian HCV 1-3.

Lampiran 2 – Templat luar talian/kertas untuk pendaftaran petani

Templat luar talian/kertas untuk pendaftaran petani – lengkapkan satu baris setiap petani. Hanya untuk pengurus kumpulan yang tidak menggunakan aplikasi telefon pintar/tablet.

Adakah ia tanah komunal atau tanah individu/keluarga?	Jika tanah komunal: berapa ramai petani yang menggunakan tanah tersebut?	Nama petani (nama pertama dan nama keluarga)	Nombor ID petani	Alamat petani (di mana mereka tinggal; tidak semestinya di mana plot ladang mereka berada)

6 Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV)

1. Kepelbagaian Spesies



2. Ekosistem dan Mozek Tahap Landskap



3. Ekosistem Jarang Dijumpai



4. Perkhidmatan Ekosistem



5. Keperluan Komuniti



6. Nilai Budaya





HCV 1

KEPELBAGAIAN SPESIES

Tumbuhan atau haiwan yang sama ada jarang secara semula jadi atau disebabkan oleh aktiviti manusia

- Spesies endemik yang hanya ditemui di kawasan yang kecil
- Kawasan terlindung dan habitat bersambung yang menyokongnya
- Kawasan yang menyokong haiwan pada masa tertentu dalam setahun untuk bersarang, membiak atau memberi makan

Ciri Utama

- Jarang
- Kawasan terlindung dan habitat bersambung yang menyokongnya
- Endemik
- Tumpuan penting global, serantau atau nasional

Penunjuk

- Spesies Senarai Merah IUCN atau senarai spesies dilindungi negara
- Peta taburan spesies
- Kawasan pemuliharaan atau biodiversiti keutamaan
- Habitat semula jadi spesies



HCV 2

EKOSISTEM DAN MOZEK TAHAP LANDSKAP

Mana-mana kawasan tumbuh-tumbuhan semula jadi yang besar dan kebanyakannya utuh dengan sedikit aktiviti manusia

Ciri Utama

- Kawasan yang diperlukan untuk mengekalkan populasi yang berdaya maju: >10,000 or 50,000 hektar
- Populasi berdaya maju kebanyakan spesies
- Corak taburan dan kelimpahan semula jadi

Penunjuk

- Landskap Hutan Utuh
- Landskap pemuliharaan/kawasan keutamaan
- Kawasan yang luas yang jauh dari penempatan manusia, jalan raya atau akses lain
- Kawasan yang lebih kecil yang menyediakan fungsi landskap utama seperti penyambungan dan penimbangan (contoh zon penampungan kawasan terlindung atau koridor yang menghubungkan kawasan terlindung atau habitat berkualiti tinggi bersama)





HCV 3

EKOSISTEM DAN HABITAT

Habitat dan ekosistem yang jarang ditemui sama ada secara semula jadi atau disebabkan oleh aktiviti manusia


Ciri Utama

- Ekosistem
- Habitat
- Refugia



Penunjuk

- Ekosistem semula jadi yang masih ada di kawasan yang tinggal sedikit habitat semula jadi
- Jenis tanah yang jarang ditemui dalam geologi
- Pengukuran ekosistem atau tumbuh-tumbuhan
- Senarai Merah Ekosistem IUCN



HCV 4

PERKHIDMATAN EKOSISTEM

Habitat semula jadi yang melindungi:

- Kualiti air dan mengawal aliran air
- Menentang hakisan
- Menentang penyebaran kebakaran hutan

Ciri Utama

- Situasi kritikal
- Perlindungan kawasan tadahan air
- Kawalan atau hakisan tanah/cerun yang mudah terdedah

Penunjuk

- Kawasan luar bandar/terpencil di mana penduduk bergantung kepada sumber asli
- Bahagian hulu kawasan tanah lembap/sungai yang penting
- Kawasan tadahan bekalan air yang penting
- Kawasan curam atau berbukit
- Kawasan yang mempunyai kesuburan tanah yang rendah





HCV 5

KEPERLUAN KOMUNITI

Habitat semula jadi yang digunakan oleh komuniti untuk mendapatkan sumber asas yang penting

- Makanan, bahan api, bahan binaan, air atau ubat

Ciri utama

- Asas untuk memenuhi keperluan asas
- Sumber tidak boleh disekat secara mendadak tanpa peralihan kepada alternatif yang sesuai
- Proses Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Dimaklumkan (FPIC)
- Identiti melalui penglibatan dengan komuniti

Penunjuk

- Jauh/terpencil dengan infrastruktur yang terhad
- Gaya hidup sara diri
- Identiti melalui penglibatan dengan komuniti
 - Perundingan
 - Kajian sosio-ekonomi
 - Pemetaan penyertaan



HCV 6

NILAI BUDAYA

Kawasan atau tapak yang mempunyai kepentingan budaya atau agama kepada masyarakat tempatan.

Ciri Utama

- Nilai kepentingan global atau nasional
- Nilai kritikal untuk penduduk tempatan

Penunjuk

- Perundingan dengan komuniti dan pakar sosial
- Tapak Warisan Dunia UNESCO
- Arahan negara mengenai tapak dan sumber arkeologi



The RSPO is an international non-profit organisation formed in 2004 with the objective to promote the growth and use of sustainable oil palm products through credible global standards and engagement of stakeholders.

www.rspo.org



Roundtable on Sustainable Palm Oil

Unit 13A-1, Level 13A, Menara Etiqa,
No 3, Jalan Bangsar Utama 1,
59000 Kuala Lumpur, Malaysia

T +603 2302 1500

F +603 2302 1543

Other Offices:

Jakarta, Indonesia
London, United Kingdom
Beijing, China
Bogota, Colombia
New York, USA
Zoetermeer, Netherlands

 rspo@rspo.org

 www.rspo.org